


BULETIN USR 2022 | ISU 1

# APA HABA Q HANGPA?



اَلْمَرْكَبَةُ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang

# AGROPRENEUR

## MUDA FASA 2

oleh Siti Nur Fathini Muhsain, Nor Fadzilah Zainal, Dr. Nor Hidayah Harun  
& Mohd Sukor Md Yusof

**Projek Agropreneur Muda Fasa 2 yang dilaksanakan pada 10 September 2022, merupakan susulan bagi Projek Agropreneur Muda Fasa 1 (13 Ogos 2022) yang dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Kuala Muda.**

Program ini juga dilaksanakan dengan kolaborasi bersama pihak Pejabat Pertanian daerah Seberang Perai Utara, Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Seberang Perai Utara, Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) daerah Seberang Perai Utara serta Pasukan Sukarelawan Orang Muda (PSOM).

Program ini merupakan satu inisiatif pembangunan sosial kemasyarakatan Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, UiTM CPP dengan kerjasama organisasi luar, bagi mencapai kesejahteraan masyarakat setempat. Program ini juga dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk setempat, khususnya anak muda agar memanfaatkan ruang dengan pertanian bagi keperluan sendiri mahupun sebagai salah satu bidang untuk menjana pendapatan serta menambah

pengetahuan kepada penduduk setempat tentang penggunaan teknologi inovasi moden dalam bidang pertanian khususnya teknik penanaman secara hidroponik. Bermula dengan Projek Agropreneur Muda Fasa 1, para peserta diberi masa sehingga 8 September 2022 bagi menjaga tanaman hidroponik mereka menggunakan set hidroponik (NFT) hasil sumbangan pelbagai pihak kepada para peserta. Sepanjang tempoh tersebut, sesi pemantauan turut dijalankan oleh para pensyarah Jabatan Pengurusan dan Perniagaan. Menjelang hari penjurian, sesi penjurian dijalankan bagi memilih hasil tanaman hidroponik yang mencapai kriteria yang telah ditetapkan. Pemilihan pemenang ini dibuat berdasarkan penjurian sepenuhnya daripada pihak Jabatan Pertanian Seberang Perai Utara.



Aturcara projek fasa 2 ini dimulakan seawal 7.00 pagi, dengan membawa semua peserta yang terlibat dengan projek Fasa 1 ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda. Tujuan utama lawatan ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan secara dekat kepada peserta mengenai kaedah serta pengurusan tanaman berskala besar yang lebih efektif dan berkesan selain mengubah persepsi peserta mengenai agropreneur dan seterusnya menjadikan agropreneur sebagai pilihan bidang kerjaya masa depan.

Selain daripada sesi lawatan di TKPM Ara Kuda, peserta turut mengikuti sesi Taklimat Transformasi Minda bertajuk “Peranan Pasukan Sukarelawan Orang Muda (PSOM) dalam Aktiviti Keusahawanan” oleh Dr. Mohd Subri bin Tahir,

Ketua Perunding Projek Pasukan Sukarelawan Orang Muda (PSOM). Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan menceburi bidang keusahawanan untuk menjana pendapatan melalui hasil pertanian yang diusahakan. Seterusnya, pada majlis penutup, turut diumumkan pemenang bagi pertandingan penanaman sayur hidroponik.

Dengan terjalannya kolaborasi dari pelbagai pihak dalam menjayakan Projek Agropreneur Muda bagi Fasa 1 dan Fasa 2, projek ini tercalon untuk mewakili UiTM CPP dan Berjaya memenangi tempat ketiga bagi peringkat kampus seluruh UiTM dalam anugerah METIC 2023 bagi kategori Community Program Award: Sustainable Program. Projek Agropreneur Muda ini sedikit

sebanyak dapat membantu komuniti dengan pengisian ilmu kepada komuniti setempat. Ianya juga dapat mengurangkan kos sara hidup yang semakin tinggi dengan menjalankan sendiri tanaman untuk kegunaan sendiri ataupun juga untuk penajaan pendapatan.

